
THE EXPOSURE OF MEDIA FRAMES AMONG MALAYSIAN BLOGGERS PRE AND POST 13TH GENERAL ELECTION

MUHAMMAD HAKIMI TEW ABDULLAH
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

ABDUL LATIFF AHMAD & CHANG PENG KEE
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Abstract

Blog began to attract people in Malaysia in 1998 when bloggers actively wrote about political matters and current issues. Blogs have then become an influential medium of news reporting after the mass community rejects mainstream media which often shows favoritism to the government party. This paper examines how a generic frames used by the bloggers in Malaysia pre and post 13th General Election (GE). A comparison on two groups of blog is made which involved Pro- Barisan Nasional (BN) and Pro- Pakatan Rakyat (PR) to see the differences in the use of frames by the bloggers. Five generic frames with 20 attributes statement by Semetko & Valkenburg has been adapted in this study. Quantitative content analysis approach was used and the results showed that conflict frame and responsibility frame are at a relatively high level use while the human interest frame, morality frame and economic consequences frame are at the low level of use. However, there are some differences in terms of the use of frames by both groups of blogger even at different political views. The results of the study clearly show that both groups of bloggers have emphasized more conflict frames in all the issues debated.

Keywords: *Blog, media framing, generic frames, election, political news.*

PENDEDAHAN BINGKAI MEDIA DALAM KALANGAN BLOGGER DI MALAYSIA SEBELUM DAN SELEPAS PRU KE-13

Abstrak:

Blog mula menarik minat rakyat di Malaysia pada tahun 1998 yang pada ketika itu para penulis blog rancak menulis berkenaan perihal politik dan isu semasa. Blog juga telah menjadi medium yang berpengaruh dalam melaporkan sesuatu berita selepas rata-rata masyarakat menolak media arus perdana yang dilihat sering berpihak kepada kerajaan. Kertas ini mengkaji bagaimana bingkai generik digunakan oleh para blogger di Malaysia sebelum dan selepas Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13. Satu perbandingan dibuat ke atas dua kumpulan blog iaitu blog Pro- Barisan Nasional dan blog Pro-Pakatan Rakyat untuk melihat perbezaan dalam penggunaan bingkai oleh para blogger. Lima bingkai generik dengan 20 kenyataan sifat oleh Semetko & Valkenburg telah diadaptasi dalam kajian ini. Pendekatan analisis kandungan secara kuantitatif digunakan dan hasil kajian menunjukkan bahawa bingkai konflik dan bingkai tanggungjawab berada pada tahap tinggi penggunaannya manakala bingkai kepentingan manusia, bingkai moral dan bingkai kesan ekonomi berada pada tahap rendah penggunaannya. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan dari segi

penggunaan semua bingkai oleh kedua-dua kumpulan blogger walaupun berada pada pandangan politik yang berbeza. Tetapi, hasil kajian jelas menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan blogger lebih banyak menekankan sifat bingkai konflik dalam semua isu yang diperbahaskan.

Kata kunci: *Blog, pemingkaian media, bingkai generik, pilihan raya, berita politik.*

PENGENALAN

Dalam kajian komunikasi politik, pemingkaian kerap digunakan untuk menggambarkan fenomena di mana mesej disampaikan oleh media untuk membentuk penilaian seseorang individu dalam memikirkan tentang sesuatu isu. Pemingkaian merujuk kepada pengaturan idea (Severin & Tankard, 1997) atau pengaturan tema yang digambarkan sebagai satu konsep untuk merapatkan kognitif dan budaya (Gamson, 1992) dalam menentukan permasalahan (Entman, 1993). Bingkai juga merujuk kepada pelbagai aspek mesej yang dibawa oleh pelbagai jenis media yang bertindak untuk mencetuskan skema khalayak bagi memahami persekitaran yang mungkin berada di luar jangkauan fizikal mereka. Ianya adalah mustahil bahawa manusia boleh memahami dunia tanpa bayangan pada struktur kognitif yang ada dan boleh diakses oleh mereka untuk mentafsirkan suatu fenomena (Chong & Druckman, 2007).

Dalam proses pemingkaian berita, sumber berita akan bertindak bagi mempengaruhi sasaran khalayak di mana bingkai media digunakan untuk memberitahu khalayak tentang bagaimana untuk berfikir sesuatu maklumat secara berkesan. Bagaimana khalayak memikir adalah proses struktur konsep manusia dalam memahami, mentafsir dan mengingati maklumat yang disampaikan. Khalayak juga menggunakan skema untuk memahami mesej yang diterima melalui media berita. Skema merujuk kepada satu set slot yang boleh diisi oleh konteks atau maklumat tambahan daripada sumber-sumber yang diterima. Oleh itu, skema bertindak sebagai

pemproses yang memberi kesan atau mengingatkan semula peristiwa-peristiwa kejadian dalam kehidupan seharian manusia. Sejauhmana seseorang itu boleh mengingat semula sesuatu peristiwa adalah bergantung kepada bagaimana skema seseorang diatur dan dipilih dalam mengingati peristiwa-peristiwa tertentu.

LATAR- BELAKANG ISU KAJIAN

Perkembangan pesat dalam teknologi maklumat juga telah membawa kepada pertumbuhan blog di Malaysia. Blog telah mula menarik minat rakyat Malaysia pada tahun 1998 yang pada ketika itu para penulis blog rancak menulis berkenaan perihal politik dan isu semasa. Isu penyingkiran bekas Timbalan Perdana Menteri, iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mencetuskan pelbagai kontroversi, cerita panas dan ketidakpuasan hati rakyat Malaysia. Ianya menjadi pencetus kepada wujudnya blog-blog yang kononnya cuba untuk membongkar segala rahsia tentang kepimpinan Perdana Menteri pada ketika itu iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad serta ahli-ahli politik lain (Chamil Wariya, 2008).

Pada Mei tahun 2008, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyertai komuniti blog dan telah menggunakan platform baru ini untuk mengkritik kerajaan. Chang et al. (2010) menyatakan bahawa Mahathir mula menulis blog atas kekecewaan kerana tidak mendapat akses kepada media arus perdana ekoran daripada kawalan kerajaan yang ketat pada ketika itu. Dalam politik, Najmuddin Mohammad Rasul dan Samsudin A. Rahim (2015) mengatakan bahawa internet telah memainkan peranannya dengan memudahkan generasi muda untuk aktif menyuarakan pendapat dan pandangan mereka yang berbeza. Malah, internet dinilai oleh generasi muda sebagai suatu sumber informasi yang lebih dipercayai kerana internet mampu menyampaikan informasi dengan cepat dan tepat. Oleh itu, banyak generasi muda

telah membuat blog peribadi, emel, *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya sebagai saranan ke arah penyertaan politik dan menggunakan aplikasi mesin pencari seperti *google* untuk mencari dan mengumpul informasi politik.

Pengaruh blog nyata terpancar menjelang Pilihan Raya Umum (PRU) yang ke-13 pada 5 Mei 2013 yang lalu dengan memberi kesan di luar jangkaan kerana semakin ramai yang berani untuk menzahirkan pandangan dan harapan tentang demokrasi di Malaysia dengan menyeru rakyat menukar kerajaan yang telah memerintah di Malaysia sejak zaman kemerdekaan. Kebanyakan blog yang berpihak kepada pembangkang secara lantang telah menyuarakan hasrat ini dengan semboyan kempen *Ubah dan Ini Kalilah* dan kesan daripada itu telah membawa kepada dinamis baru kepada persaingan parti-parti politik di Malaysia yang memperjuangkan pelbagai jenis ideologi dan ingin bersama-sama ke arah kegemilangan nasib parti-parti yang mereka wakili.

Kajian berkenaan pbingkaian media mengenai isu politik bukanlah sesuatu yang baru di Malaysia kerana ianya pernah dibuat oleh penyelidik Chang et al. (2010) untuk melihat mesej yang dibingkai oleh Mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad menerusi weblog beliau *chedet.com*. Walau bagaimanapun, menerusi pembacaan dan pemerhatian yang dibuat oleh penyelidik, masih tidak banyak kajian yang dilakukan dalam konteks media blog di Malaysia jika dibandingkan dengan negara luar. Hal ini telah mendorong minat penyelidik ke arah memahami gaya pbingkaian media blog dalam konteks Malaysia-demokrasi oleh dua kumpulan blogger yang terdiri daripada ideologi politik yang berbeza.

Penyelidik telah memberi penekanan terhadap proses pembinaan dan penggunaan bingkai selain pengukuran terhadap bingkai media dalam paparan berita blog. Hal ini juga memperlihatkan kepada penglibatan bingkai petunjuk dalam setiap teks

(Boydston et al. 2014) atau lebih dikenali sebagai nada berita dalam penyampaian berita kepada orang ramai. Maka, timbulnya persoalan tentang adakah terdapat perbezaan dalam pembingkai berita antara para blogger? Bingkai manakah yang menjadi bingkai utama dalam gambaran mengenai sesuatu isu yang diperbincangkan? Apakah bentuk nada berita yang cuba ditonjolkan oleh kedua-dua pihak blogger?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan lapan buah blog yang terdiri daripada empat blog Pro-Barisan Nasional (PBN) dan empat blog Pro-Pakatan Rakyat (PPR). Blogger Pro-BN disimbolkan sebagai segala penulisan mereka yang menjurus dalam menyokong tindakan dan hasrat kerajaan yang merupakan pembuat dan perlaksana dasar seperti ahli-ahli politik yang memegang jawatan kerajaan dan penjawat awam. Sebaliknya, blogger Pro-PR merujuk kepada mereka yang sering menentang dan mengutuk apa sekalipun tindakan atau dasar yang dibuat atau cuba dibuat oleh pihak kerajaan. Motif pemilihan sampel dibahagikan kepada dua kumpulan supaya tidak timbulnya suasana berat sebelah dalam hasil kajian yang diperoleh.

Penetapan sampel dalam mana-mana kumpulan ini adalah berdasarkan kecenderungan gaya penulisan mereka kepada mana-mana pihak yang mereka sokong serta biodata peribadi mereka sendiri yang telah mencerminkan kedudukan arah politik mereka. Penyelidik telah meletakkan kod seperti (Jadual 1) untuk setiap blogger bagi memudahkan penulisan laporan.

Pemilihan artikel dibuat berdasarkan kepada paparan mengikut tempoh dua bulan sebelum dan dua bulan selepas PRU ke-13 yang lalu. Memandangkan PRU ke-13 yang lepas jatuh pada 5hb Mei 2013, maka penyelidik telah mula mengumpul artikel penulisan blog daripada kesemua blogger bermula dari 4hb Mac 2013 hingga 4hb

Mei 2013 dan diikuti pula dengan 6hb Mei 2013 hingga 6hb Julai 2013 untuk dijadikan data kajian. Proses pengkodan data kajian dibuat oleh dua orang juru kod. Sebanyak 836 artikel telah dimuat-turun dan dijadikan sebagai data kajian. Unit analisis kajian adalah berdasarkan kepada satu tajuk artikel mewakili satu unit analisis.

Jadual 1: Maklumat Demografi Blog/ Blogger

No.	Kod Blog/ Blogger	Kategori Blog
1	PBN 1	Politik
2	PBN 2	Politik
3	PBN 3	Politik & Peribadi
4	PBN 4	Politik
5	PPR 1	Politik
6	PPR 2	Politik
7	PPR 3	Politik, Seni & Agama
8	PPR 4	Politik

Bagi tujuan pengoperasian konsep bingkai media, penyelidik telah mengadaptasi lima bingkai generik yang dibangunkan oleh (Semetko & Valkenburg, 2000) dan digunapakai menerusi kajian lepasnya terhadap kajian ini. Kelima-lima bingkai generik oleh Semetko & Valkenburg (2000) menerangkan tentang;

- i. *Bingkai tanggungjawab* membentangkan isu atau masalah dalam apa-apa cara dengan mengaitkan tanggungjawab sebagai penyebab atau penyelesaiannya sama ada terhadap pihak kerajaan, dengan individu atau kumpulan.
- ii. *Bingkai kepentingan manusia* membawa kepentingan manusia atau dari sudut emosi dalam menunjukkan suatu peristiwa, isu, atau masalah. Kata kuncinya adalah kesan manusia, menawan dan mengekalkan minat pembaca, berusaha untuk memperibadikan sesuatu berita, melakonkan atau berita beremosi.

-
- iii. *Bingkai konflik* menekankan konflik antara individu, kumpulan atau institusi sebagai satu cara menarik minat pembaca.
 - iv. *Bingkai moral* meletakkan peristiwa, masalah atau isu dalam konteks panduan moral atau ketuhanan.
 - v. *Bingkai kesan ekonomi* melaporkan acara, masalah, atau isu dari segi kesan yang akan melibatkan sumberi ekonomi ke atas seorang individu, kumpulan, institusi, kawasan, atau negara.

Kaedah mudah “ya” atau “tidak” digunakan untuk mengukur kewujudan bingkai dalam berita blog. Menurut penyelidik ini lagi, ianya memerlukan minimum tiga soalan untuk mengukur setiap bingkai. Dengan ini, kepada jawapan “ya” bersamaan dengan kenyataan itu, juru kod akan merekodkan “1” markah manakala “0” markah bagi jawapan “tidak.” Satu skala akan dibina untuk setiap lima bingkai dengan purata markah kepada soalan-soalan yang telah diletakkan di bawah faktor yang mereka telah dipratentukan. Nilainya adalah dari “0” kepada “1” di mana “0” menunjukkan bahawa bingkai tertentu tidak wujud sama sekali, manakala kesempurnaan “1” menunjukkan bahawa bingkai tersebut wujud sepenuhnya. Pembinaan pengukuran skala ini merupakan prosedur yang sama seperti dalam kajian penyelidik utama iaitu Semetko dan Valkenburg (2000), Valkenburg et al. (1999).

Semetko dan Valkenburg (2000) sekali menerangkan bahawa kelebihan strategi pengekodan perduaan atau binari adalah di mana nilai kebolehpercayaan antara juru kod adalah agak tinggi. Penyelidik telah memilih secara rawak 10% daripada jumlah sampel untuk dikodkan oleh setiap juru kod. Kaedah Holsti’s (1969) digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan antara juru kod dengan tahap minimum persetujuan antara juru kod melepasi tahap minimum 0.7 yang ditetapkan oleh penyelidik dan telah disahkan oleh para sarjana.

Hasil keputusan analisis faktor selepas pemutaran *varimax* menerusi kaedah analisis prinsip komponen (Jadual 2) menunjukkan bahawa terdapat satu item di bawah konstruk unsur kemanusiaan terkeluar daripada senarai syarat minimum 0.50 yang ditetapkan oleh penyelidik dan telah dimuatkan di bawah konstruk konflik. Item yang disebutkan adalah; “kisah yang memberi contoh berkenaan manusia atau wajah manusia mengenai sesuatu isu tertentu.” Maka, secara automatiknya item ini terkeluar daripada senarai item penyumbang kepada faktor unsur kemanusiaan semasa analisis data kajian nanti.

**Jadual 2: Putaran varimax menerusi analisis prinsip komponen
 Bebanan faktor bagi 20 item bingkai**

Ukuran Faktor Bingkai Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy = .689 Bartlett's Test of Sphericity; df = 190, p = .000	Faktor				
	1	2	3	4	5
Item Bingkai	KE	T	K	M	UK
Kesan Ekonomi (KE)					
1. Ada menyebut tentang kerugian atau keuntungan (kewangan) pada masa sekarang atau masa akan datang.	.896				
2. Terdapat rujukan kepada kesan ekonomi sama ada mengikuti atau tidak mengikuti kursus tindakan.	.873				
3. Ada menyebut tentang kos atau tahap perbelanjaan yang terlibat.	.829				
Tanggungjawab (T)					
1. Kisah ini mencadangkan agar tindakan segera perlu diambil ke atas masalah tersebut.		.733			
2. Kisah ini menyatakan bahawa terdapat beberapa peringkat kerajaan atau organisasi yang bertanggungjawab dalam sesuatu isu atau masalah.		.673			
3. Kisah ini menyatakan bahawa terdapat beberapa peringkat kerajaan atau organisasi yang mempunyai keupayaan untuk mengurangkan masalah tersebut.		.665			
4. Kisah ini mencadangkan kepada penyelesaian kepada isu atau masalah.		.644			
5. Kisah ini mencadangkan agar seseorang individu atau kumpulan dalam masyarakat adalah bertanggungjawab dalam sesuatu isu atau masalah.		.605			
Konflik (K)					
1. Kisah ini mencerminkan perselisihan antara pelbagai pihak/ parti, individu, kumpulan atau negara.			.759		
2. Kisah yang merujuk kepada dua belah atau lebih daripada dua belah isu atau masalah.			.642		
3. Kisah yang merujuk kepada pihak yang menang atau pihak yang kalah.			.586		
4. Kisah yang menekankan tentang bagaimana individu dan kumpulan terlibat dengan sesuatu isu atau masalah.			.560		
5. Kisah yang memberikan contoh berkenaan manusia atau wajah manusia mengenai sesuatu isu tertentu.					
Moral (M)					

1. Kisah ini memberi rujukan kepada akhlak, ketuhanan dan rukun agama lain.				.850	
2. Kisah yang menawarkan arahan khusus sosial tentang bagaimana untuk bertindak.				.832	
3. Kisah ini mengandungi apa-apa mesej moral.				.686	
Keperluan Manusia (KM)					
1. Pihak/ parti, individu, kumpulan atau negara yang mencela antara satu sama lain.					.715
2. Kisah yang menggunakan kata sifat atau latar belakang peribadi yang menjana perasaan kemarahan, empati, penyangang, simpati dan belas kasihan.					.650
3. Kisah yang berlaku secara langsung dalam kehidupan peribadi seseorang.					.587
4. Kisah ini mengandungi maklumat visual yang mungkin menjana perasaan marah, empati, penyangang, simpati atau belas kasihan.					.520

Penerokaan analisis faktor ini telah membawa kepada perubahan dalam jumlah item bingkai unsur kemanusiaan dan bingkai konflik. Sebagai kesimpulan daripada analisis faktor ini, sebanyak 19 item sahaja daripada 20 item seperti yang dinyatakan oleh penyelidik asal Semetko dan Valkenburg (2000) akan digunapakai dalam tujuan pengukuran bingkai berita blog di Malaysia.

HASIL KAJIAN

Sebanyak 836 artikel dikumpul daripada dua kumpulan blog bagi tempoh empat bulan. Kumpulan yang dimaksudkan adalah daripada blog Pro-Barisan Nasional (PBN) dan blog Pro-Pakatan Rakyat (PPR). Untuk memudahkan penulisan laporan kajian ini, maka penyelidik telah mengambil langkah dengan menggunakan kod; PBN1, PBN2, PBN3, PBN4 bagi kumpulan Pro-Barisan Nasional dan PPR1, PPR2, PPR3, PPR4 bagi kumpulan Pakatan Rakyat.

Pecahan artikel blog untuk tempoh empat bulan mengikut Jadual 3, bagi kumpulan Pro-Barisan Nasional, PBN4 mendahului jumlah kekerapan paparan artikel dengan 127 paparan artikel (15.2%) diikuti dengan PBN2 dengan 126 paparan artikel (15.1%), PBN3 dengan 97 paparan artikel (11.6%) dan PBN1 dengan hanya 37

paparan artikel dengan peratusan (4.4%) daripada jumlah keseluruhan artikel yang digunakan sebagai sampel kajian.

Jadual 3: Taburan Kekerapan dan Peratusan Artikel Blog Mengikut Pecahan Blogger Untuk Tempoh Empat Bulan

Bil.	Artikel blog	2 Bulan Sebelum	2 Bulan Selepas	Jumlah Kekerapan	Peratus (%)
		PRU ke-13	PRU ke-13		
		4 Mac –4 Mei	6 Mei –6 Julai		
Pro- Barisan Nasional					
1	PBN 1	15	22	37	4.4
2	PBN 2	73	53	126	15.1
3	PBN 3	53	44	97	11.6
4	PBN 4	49	78	127	15.2
Pro- Pakatan Rakyat					
1	PPR 1	53	47	100	11.9
2	PPR 2	9	20	29	3.5
3	PPR 3	127	87	214	25.6
4	PPR 4	22	84	106	12.7
Jumlah keseluruhan				836	100.00

Kumpulan Pro-Pakatan Rakyat pula telah didahului oleh PPR3 dengan jumlah kekerapan paparan artikel sebanyak 214 paparan (25.6%) dan diikuti oleh PPR4 dengan 106 paparan artikel (12.7%), PPR1 dengan 100 paparan artikel dan PPR2 hanya dengan 29 paparan artikel meliputi peratusan (3.5%) sepanjang tempoh empat bulan.

i.) Peristiwa dengan Media Blog

Hasil ujian penjadualan silang antara peristiwa dengan media blog ke atas kedua-dua kumpulan seperti yang tertera pada Jadual 4 jelas menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam paparan artikel blog yang amat ketara selepas PRU ke-13 oleh blogger Pro-Pakatan Rakyat iaitu sebanyak 6% daripada 47.0% kepada 53.0%. Jika dibandingkan dengan blogger Pro-Barisan Nasional, peningkatan hanya berlaku sebanyak 1.8% sahaja daripada 49.1% kepada 50.9%. Peningkatan paparan blog oleh

blogger Pro-Pakatan Rakyat mungkin didorong oleh perasaan ketidakpuasan hati atas keputusan pilihan raya yang telah diumumkan selepas Barisan Nasional berjaya mengekalkan kedudukan mereka sebagai pemerintah dalam Malaysia.

Ketelusan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) kerap dipertikaikan oleh pihak pembangkang gara-gara penggunaan dakwat kekal yang dikatakan tidak kekal oleh sesetengah pihak kerana ianya boleh ditanggalkan dengan mudah. Isu “black out” juga telah dipermainkan oleh sesetengah blogger Pro-Pakatan Rakyat melalui paparan blog dengan harapan untuk mempengaruhi minda pembacanya. Selain itu, bantahan juga telah dilakukan menerusi perhimpunan haram di merata tempat yang dirancang dengan hasrat untuk menghuru-harakan keadaan negara.

Sebaliknya, blogger Pro-Barisan Nasional nyata lebih tenang selepas PRU ke-13 kerana Barisan Nasional masih kekal memerintah Malaysia dengan memegang majoriti mudah melalui 133 kerusi parlimen walaupun terdapat sedikit kemerosotan jumlah kerusi jika dibandingkan dengan PRU ke-12. Walau bagaimanapun terdapat juga pertikaian yang berlaku dalam kalangan calon BN yang kalah di mana pengikut mereka berasa tidak puas hati dengan keputusan yang diyakini akan menang. Mungkin mereka mempunyai alasan tersendiri untuk merungut tetapi atas dasar hormat kepada keputusan yang dibuat secara demokrasi, ianya terhenti begitu sahaja.

Jadual 4: Penjadualan Silang antara Peristiwa dengan Media dalam Peratus

Media		Artikel Blog: Pro-BN (n=387)	Artikel Blog: Pro-PR (n=449)
Himpunan	Sebelum PRU ke-13	49.1	47.0
	Selepas PRU ke-13	50.9	53.0
Jumlah		100.0	100.0

ii.) Arah Aliran Isu dengan Media

Hasil ujian penjadualan silang antara isu dengan media seperti dalam Jadual 5 menunjukkan bahawa tidak mempunyai sebarang perbezaan yang ketara antara kedua-

dua kumpulan blogger dalam melaporkan berkenaan dengan isu politik pilihan raya. Ini kerana blog Pro-Barisan Nasional berada pada peratusan 77% dan blog Pro-Pakatan Rakyat berada pada peratusan 77.1% dalam melaporkan berita mengenai isu politik pilihan raya. Dalam media komunikasi massa, pastinya kita tidak boleh lari daripada membincangkan tentang isu politik. Maka, tidak hairanlah apabila hasil kajian menyatakan bahawa isu politik pilihan raya berada pada tangga teratas daripada senarai isu-isu yang dimainkan oleh para blogger. Antara isu-isu pilihan raya yang kerap disentuh oleh blogger adalah berkenaan dengan ketelusan pilihan raya, serangan ke atas parti-parti politik yang berlawanan pihak, isu dakwat kekal yang baru diperkenalkan oleh SPR, kredibiliti calon, janji-janji manis melalui manifesto parti-parti tertentu dan yang paling hangat diperbincangkan adalah berkenaan dengan strategi pilihan raya yang dilihat menjadi topik utama dalam isu berkaitan dengan pilihan raya.

Terdapat perbezaan dalam paparan artikel mengenai isu sejagat antara kedua-dua kumpulan blogger di mana blog Pro-Barisan Nasional lebih cenderung dalam melaporkan mengenai isu ini jika dibandingkan dengan blog Pro-Pakatan Rakyat. Sebagai sebuah parti yang menerajui pemerintahan negara, pastinya isu sejagat merupakan suatu perkara yang serius dalam membasmi serta membanteras supaya ianya tidak menjejaskan imej negara. Dengan ini, ianya bakal menarik minat para pengunjung dari luar negara untuk berkunjung ke Malaysia. Secara tidak langsung, ianya akan mendorong ke arah peningkatan ekonomi dalam sektor pelancongan dan perindustrian negara.

Peranan blog-blog politik ketika musim pilihan raya sememangnya tidak dapat disangkal lagi kepentingannya. Di mana alam blog telah membuka ruang yang begitu luas kepada para blogger politik untuk menggunakan blog sebagai alat

berkempen dan berkomunikasi di samping berkongsi maklumat politik dengan komuniti siber. Hasil kajian jelas menunjukkan bahawa blogger Pro-Pakatan Rakyat lebih cenderung menggunakan ruang ini dalam penyampaian maklumat kepada para pembaca.

Hasil kajian juga mencatatkan bahawa terdapat perbezaan yang ketara antara laporan yang dibuat oleh kedua-dua kumpulan blogger berkenaan dengan isu kepimpinan. Blog Pro-Pakatan Rakyat tampak lebih memberi fokus dalam paparan artikel berkenaan dengan isu kepimpinan negara dengan 7.6% berbanding dengan Pro-Barisan nasional hanya berada pada peratusan 3.6% paparan artikel berkenaan isu tersebut. Perbezaan 4% ini menampakkan bahawa blog Pro-Pakatan Rakyat begitu kerap membincangkan tentang kegagalan Barisan Nasional dalam nenerajui negara sebelum dan selepas pilihan raya.

Jadual 5: Penjadualan Silang antara Isu dengan Media dalam Peratus

Isu-isu	Kecenderungan Politik (%)		Keseluruhan Sampel (n=836)
	Artikel:Pro-BN (n=387)	Artikel:Pro-PR (n=449)	
Politik (Pilihan Raya)	77.0	77.1	77.0
Sejagat	8.0	6.7	7.3
Kepimpinan negara	3.6	7.6	5.7
Ketahanan negara	3.9	4.5	4.2
Kebebasan bersuara dan media	4.1	3.3	3.7
Lain-lain	3.4	0.9	2.0
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Isu kepimpinan Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah menjadi perhatian utama para blogger politik di Malaysia terutamanya blogger Pro-Pakatan Rakyat sebelum dan selepas PRU ke-13 yang lalu. Perkara yang dibangkitkan oleh para blogger melalui blog-blog mereka telah menyentuh bukan sekadar kegagalan beliau untuk mendapat undian dua pertiga bagi membentuk kerajaan penuh malahan

dikatakan keputusan yang dicapai ketika kepimpinan beliau tampak merosot sedikit daripada keputusan yang dicapai ketika PRU ke-12 yang lalu. Ternyata di sini isu kepimpinan negara dan sejagat tidak boleh lari daripada perbincangan para blogger tidak kira blogger Pro-Barisan Nasional mahupun Pro-Pakakat Rakyat. Walau bagaimanapun, tidak banyak perbezaan dalam perbincangan mengenai isu ketahanan negara, kebebasan bersuara dan media oleh kedua-dua kumpulan blogger.

iii.) Nada Berita dengan Media

Untuk mengetahui tentang jenis nada berita yang dituliskan oleh para blogger sama ada ianya menyokong atau menentang sesuatu isu, penulisan tersebut berada pada tahap neutral atau bersifat positif pada sebelah pihak dan bertindak menyokong atau disebaliknya. Hasil penjadualan silang antara nada berita dengan media (Jadual 6) menunjukkan bahawa nada berita berbentuk anti tersurat berada pada peratusan tertinggi daripada senarai lima bentuk nada berita dengan peratusan sebanyak 49.9% daripada jumlah keseluruhan sampel kajian. Artikel blog Pro-Barisan Nasional nyata lebih cenderung untuk menyatakan pendapat atau hujah dalam artikel secara langsung dalam menentang suatu isu yang dibincangkan secara jelas melalui peratusan sebanyak 61.2% daripada jumlah sampel (387 artikel blog) manakala artikel blog Pro-Pakatan Rakyat berada pada peratusan 40.1% daripada jumlah sampel (449 artikel blog).

Menerusi hasil peratusan yang tinggi ini, boleh dikatakan bahawa para blogger tidak kira daripada kumpulan mana tampak begitu berani untuk menyatakan pendapat mereka secara terbuka tanpa perlu berselindung. Ini jelas menunjukkan bahawa blog yang merupakan media baru telah membuka satu ruang atau landasan yang bebas kepada para blogger untuk menyatakan pendapat mereka. Ini diikuti oleh nada berita

yang berbentuk pro tersurat dengan 23.8% daripada jumlah keseluruhan sampel kajian dan nada berita berbentuk neutral berada pada peratusan 22.6% daripada jumlah keseluruhan sampel kajian. Nada berita berbentuk pro tersirat berada pada peratusan 2.7% daripada jumlah keseluruhan sampel kajian dan anti tersirat berada pada peratusan yang terendah sekali dengan hanya melibatkan 1.0% daripada jumlah keseluruhan sampel kajian. Jelas sekali blog telah digunakan oleh para blogger sebagai satu medium kebebasan bersuara atau menyatakan pendapat mereka.

Jadual 6: Penjadualan Silang antara Nada Berita dengan Media dalam Peratus

Nada Berita	Kecenderungan Politik (%)		Keseluruhan Sampel (n=836)
	Artikel: Pro-BN (n=387)	Artikel: Pro-PR (n=449)	
Anti tersurat	61.2	40.1	49.9
Pro tersurat	16.5	30.1	23.8
Neutral	20.7	24.3	22.6
Pro tersirat	0.5	4.7	2.7
Anti tersirat	1.0	0.9	1.0
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Dengan kata lain, blog telah membuka ruang ke arah satu budaya penulisan yang lebih demokrasi di Malaysia. Ini mungkin didorong oleh sifat blog yang mudah ditangani, wujudnya ikatan sosial dalam kalangan blogger dan yang paling penting adalah blog boleh dikawalselia oleh empunya blog. Tetapi tidak dinafikan bahawa kawalan ke atas media massa arus perdana oleh pihak pemerintah dilihat sebagai faktor utama kemunculan blog-blog politik ini. Maklumat yang sering diketepikan oleh media arus perdana telah dimuatkan dalam ruang maya yang bermaklumat ini. Dengan ini, masyarakat kini dibekalkan dengan sumber maklumat alternatif yang boleh dijadikan bahan untuk membuat perbandingan sebelum sesuatu keputusan dibuat.

iv.) Maklumat Catatan Blog dengan Media

Hasil kajian (Jadual 7) menunjukkan bahawa sebanyak 55.4% daripada jumlah keseluruhan sampel (836 artikel blog) datangnya daripada persepsi sendiri. Blog Pro-Pakatan Rakyat melebihi hanya dengan 2.1% daripada blog Pro-Barisan Nasional melalui peratusan 56.4% oleh blog Pro- Pakatan Rakyat dan 54.3% oleh blog Pro-Barisan Nasional daripada jumlah sampel mengikut kumpulan masing-masing. Ianya diikuti dengan maklumat blog hasil daripada penyelidikan sendiri dengan 20.7%, hasil daripada penyelidikan orang dengan 15.7%, spekulasi dengan 8.1% dan hasil daripada pengumuman iaitu hanya 0.1% sahaja. Maklumat catatan blog hasil daripada pengumuman adalah merupakan artikel oleh blogger kod PBN2 yang menulis berkenaan sambutan hari Wesak 2013 dan tahlil buat Pak Non yang meninggal dunia ketika itu.

Jadual 7: Penjadualan Silang antara Maklumat Blog dengan Media dalam Peratus

Maklumat Blog	Artikel: Pro-BN (n=387)	Artikel: Pro-PR (n=449)	Keseluruhan Sampel (n=836)
Perspepsi sendiri	54.3	56.4	55.4
Penyelidikan sendiri	18.3	22.7	20.7
Hasil Penyelidikan orang	24.5	8.0	15.7
Spekulasi	2.6	12.9	8.1
Lain-lain (Pengumuman)	0.3	0.0	0.1
Jumlah	100.0	100.0	100.0

v.) Analisis Bingkai

Untuk mengukur penggunaan bingkai oleh para blogger dalam penulisan mereka sepertimana yang telah dinyatakan terdahulu di mana penyelidik telah mengadaptasi dan menggunakan lima bingkai generik yang dibangunkan oleh Semetko &

Valkenburg (2000). Maka, lima konstruk bingkai inilah yang dijadikan sebagai pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini.

Jadual 8 memaparkan tentang kewujudan kenyataan sifat bingkai daripada keseluruhan paparan artikel blog dengan item di bawah konstruk bingkai konflik iaitu “kisah yang menekankan bagaimana individu dan kumpulan terlibat dengan sesuatu isu atau masalah” berada pada peratusan tertinggi dengan 93.7% melalui kekerapan sebanyak 783 kali penggunaan dalam keseluruhan artikel blog.

Jadual 8: Taburan Kekerapan dan Peratus bagi Kenyataan Sifat Bingkai

Bingkai	Kenyataan Sifat Bingkai	Kekerapan	Peratus (%)
1. Kesan Ekonomi	• Ada menyebut tentang kerugian atau keuntungan (kewangan) pada masa sekarang atau masa akan datang.	79	9.4
	• Terdapat rujukan kepada kesan ekonomi sama ada mengikuti atau tidak mengikuti kursus tindakan.	79	9.4
	• Ada menyebut tentang kos atau tahap perbelanjaan yang terlibat.	79	9.4
2. Tanggungjawab	• Kisah ini mencadangkan agar tindakan segera perlu diambil ke atas masalah tersebut.	495	59.2
	• Kisah ini menyatakan bahawa terdapat beberapa peringkat kerajaan atau organisasi yang bertanggungjawab dalam sesuatu isu atau masalah.	517	61.8
	• Kisah ini menyatakan bahawa terdapat beberapa peringkat kerajaan atau organisasi yang mempunyai keupayaan untuk mengurangkan masalah tersebut.	310	37.1
	• Kisah ini mencadangkan kepada penyelesaian kepada isu atau masalah.	388	46.4
	• Kisah ini mencadangkan agar seseorang individu atau kumpulan dalam masyarakat adalah bertanggungjawab dalam sesuatu isu atau masalah.	677	81.0
3. Konflik	• Kisah ini mencerminkan perselisihan antara pelbagai pihak/ parti, individu, kumpulan atau negara.	624	74.6
	• Kisah yang merujuk kepada dua belah atau lebih daripada dua belah isu atau masalah.	666	79.7
	• Kisah yang merujuk kepada pihak yang menang atau pihak yang kalah.	242	28.9
	• Kisah yang menekankan tentang bagaimana individu dan kumpulan terlibat dengan sesuatu isu atau masalah.	783	93.7
4. Moral	• Kisah ini memberi rujukan kepada akhlak, ketuhanan dan rukun agama lain.	70	8.4

	• Kisah yang menawarkan arahan khusus sosial tentang bagaimana untuk bertindak.	74	8.9
	• Kisah ini mengandungi apa-apa mesej moral.	100	12.0
5. Kepentingan Manusia	• Pihak/ parti, individu, kumpulan atau negara yang mencela antara satu sama lain.	374	44.7
	• Kisah yang menggunakan kata sifat atau latar belakang peribadi yang menjana perasaan kemarahan, empati, penyayang, simpati dan belas kasihan.	331	39.6
	• Kisah yang berlaku secara langsung dalam kehidupan peribadi seseorang.	512	61.2
	• Kisah ini mengandungi maklumat visual yang mungkin menjana perasaan kemarahan, empati, penyayang, simpati atau belas kasihan.	70	8.4

Ianya diikuti oleh item di bawah konstruk bingkai tanggungjawab iaitu “kisah ini mencadangkan agar seseorang individu atau kumpulan dalam masyarakat adalah bertanggungjawab dalam sesuatu isu atau masalah” dengan peratusan sebanyak 81% melalui jumlah kekerapan sebanyak 677 kali penggunaan. Dengan menggunakan teknik Semetko & Valkenburg (2000) dalam kajian bingkai berita ini, penyelidik dapat mengukur gambaran tahap penggunaan bingkai oleh kedua-dua kumpulan blogger.

vi.) Penglibatan Bingkai Media Sebelum dan Selepas PRU ke-13

Jadual 9 di bawah menunjukkan bahawa tahap penglibatan bingkai dalam penulisan blog oleh para blogger sepanjang tempoh empat bulan dengan bingkai konflik ternyata berada pada tahap penglibatan tertinggi dengan peratusan sebanyak 70.3% diikuti dengan bingkai tanggungjawab dengan peratusan sebanyak 62.1%.

Bingkai moral berada pada tahap penglibatan bingkai terendah dengan hanya melibatkan 9.2% sahaja yang mencapai tahap tinggi dalam penggunaan bingkai dan diikuti pula oleh bingkai kesan ekonomi dengan tahap penglibatan bingkai dengan peratusan 9.8% dalam penggunaan bingkai dalam paparan artikel blog sepanjang

tempoh kajian. Bingkai kepentingan manusia pula berada pada peratusan 21.7% penglibatan bingkai dengan menduduki tangga ketiga daripada jumlah lima bingkai media yang terlibat.

Jadual 9: Taburan Tahap Penglibatan Bingkai Generik

Bingkai Generik	Kekerapan	Peratus (%)	Min	Sisihan Piawai
Konflik			0.692	0.238
Tinggi	588	70.3		
Rendah	248	29.7		
Tanggungjawab			0.571	0.306
Tinggi	519	62.1		
Rendah	317	37.9		
Kepentingan Manusia			0.385	0.274
Tinggi	181	21.7		
Rendah	655	78.3		
Moral			0.097	0.272
Tinggi	77	9.2		
Rendah	759	90.8		
Kesan Ekonomi			0.095	0.269
Tinggi	82	9.8		
Rendah	754	90.2		

Nota: Sekiranya <0.5 = rendah, >0.51 =tinggi.

Secara keseluruhannya, melalui hasil kajian yang diperolehi seperti Jadual 10 dapat dinyatakan di sini bahawa bingkai konflik merupakan bingkai yang paling utama digunakan dalam penulisan blog dengan jumlah keseluruhan min skor 0.692. Ternyata tidak mempunyai perbezaan yang ketara di antara penglibatan bingkai konflik sebelum atau selepas PRU ke-13 di mana sebelum PRU ke13 mencatatkan min skor 0.682 dan selepas PRU ke-13 mencatatkan min skor 0.702. Bingkai tanggungjawab merupakan penglibatan bingkai yang agak tinggi juga dengan min skor keseluruhan sebanyak 0.571 dengan hanya perbezaan sebanyak min skor 0.037 penglibatan bingkai sebelum dan selepas PRU ke-13.

Jadual 10: Skor Min Penglibatan Lima Bingkai Generik

Bingkai	Sebelum PRU ke-13	Selepas PRU ke-13	Keseluruhan Sampel (n=836)
Konflik (K)	0.682	0.702	0.692
Tanggungjawab (T)	0.552	0.589	0.571
Kepentingan Manusia (KM)	0.387	0.383	0.385
Moral (M)	0.116	0.080	0.097
Kesan Ekonomi (KE)	0.082	0.106	0.095

Bingkai kesan ekonomi berada pada min skor terendah sekali dengan jumlah keseluruhan min skor 0.095. Walaupun bingkai kepentingan manusia, bingkai moral serta bingkai kesan ekonomi berada pada tahap penglibatan yang rendah. Ini tidak bermakna ianya diabaikan dan tidak berperanan untuk mempengaruhi minda pembaca kerana kelima-lima bingkai adalah penting dan saling berkait-rapat dan agak mustahil untuk dipisahkan antara satu sama lain. Cuma yang membezakan antara kelima-lima bingkai adalah bagaimana sesebuah bingkai itu digunakan dalam mengaitkan dengan sesuatu isu yang dilontarkan melalui penulisan mereka.

vii.) Menguji Perbezaan dalam Penggunaan Bingkai antara Blogger

Andaian awal dibuat oleh penyelidik bahawa akan terdapat perbezaan dalam pembedaan antara blogger Pro-Barisan Nasional dengan blogger Pro-Pakatan Rakyat. Keseluruhan sampel artikel mengikut tempoh empat bulan diambil kira serta min skor penglibatan lima bingkai generik dalam blog juga kelihatan berbeza antara kedua-dua kumpulan blog Pro-Barisan Nasional dan blog Pro-Pakatan Rakyat. Ujian-T dijalankan untuk meneroka perbezaan tersebut pada tahap 95% keyakinan melalui saiz kesan (*effect size*) ujian-T (*Cohen's d*) bagi menguji kesan utama yang dialami oleh kedua-dua kumpulan blogger. Titik penamat yang biasa digunakan untuk η^2

adalah <.2 adalah sangat kecil, .2 adalah kecil, .5 adalah sederhana dan .8 adalah besar.

Hasil kajian (Jadual 11) menunjukkan keempat-empat blog Pro-Barisan Nasional lebih tertumpu pada bingkai konflik dengan blog PBN3 mendahului blog-blog Pro-Barisan Nasional yang lain dengan min skor 0.740. Tidak ada perbezaan jika dibandingkan dengan blog Pro-Pakatan Rakyat di mana tumpuan utama juga berada pada bingkai konflik dengan blog PPR2 mendahului blog-blog Pro-Pakatan Rakyat yang lain dengan min skor 0.810 tetapi terdapat jurang yang agak ketara dengan blog PPR1 dengan min skor 0.478 melalui perbezaan skor min sebanyak 0.332.

Sebaliknya, bingkai tanggungjawab merupakan penglibatan bingkai yang lebih ketara ditunjukkan oleh blog Pro-Pakatan Rakyat dengan blog PPR2 mendahului penggunaan bingkai tanggungjawab dengan min skor 0.724 dan diikuti oleh blog PPR4 dengan min skor 0.638 dan blog PPR3 dengan min skor 0.617. Sekali lagi blog PPR1 berada pada kedudukan terendah dalam penggunaan bingkai ini dengan min skor 0.480. Jika dilihat pada hasil analisis, ternyata PPR1 kurang melibatkan penggunaan bingkai dalam kesemua bingkai generik.

Jadual 11: Skor min penglibatan Lima Bingkai Generik dalam blog Pro- Barisan Nasional dan blog Pro- Pakatan Rakyat

Blog	KE	T	K	M	KM	<i>n</i>
PBN 1	0.189	0.568	0.716	0.171	0.378	37
PBN 2	0.069	0.502	0.714	0.071	0.498	126
PBN 3	0.048	0.516	0.740	0.096	0.495	97
PBN 4	0.186	0.587	0.717	0.118	0.404	127
PPR 1	0.053	0.480	0.478	0.087	0.210	100
PPR 2	0.230	0.724	0.810	0.069	0.491	29
PPR 3	0.051	0.617	0.708	0.118	0.340	214
PPR 4	0.113	0.638	0.724	0.054	0.356	106
Keseluruhan	0.095	0.571	0.692	0.097	0.385	836

Tetapi lain pula jika dilihat pada hasil kajian Jadual 11, di mana keempat-empat blog Pro-Barisan Nasional menunjukkan penggunaan bingkai tanggungjawab yang agak setara dengan PBN4 melebihi sedikit sahaja melalui min skor sebanyak 0.587. Rata-rata blog tidak kira daripada pihak mana tidak banyak melibatkan penggunaan bingkai kesan ekonomi hanya PPR2 sahaja yang tampak begitu menonjol daripada laman blog dengan min skor sebanyak 0.230 manakala yang terendah sekali penggunaan bingkai kesan ekonomi adalah blog daripada PBN3 dengan min skor serendah 0.048.

Maka, dapat dirumuskan di sini melalui (Jadual 12) penggunaan bingkai konflik merupakan bingkai yang dominan oleh kedua-dua kumpulan blog dengan min skor keseluruhan sebanyak 0.692 melalui pecahan blog Pro-Barisan Nasional (0.722) dan blog Pro-Pakatan Rakyat (0.667). Ini diikuti pula dengan penggunaan bingkai tanggungjawab oleh kedua-dua kumpulan blog dengan min skor keseluruhan 0.571 dan seterusnya oleh bingkai kepentingan manusia dengan min skor keseluruhan 0.385, bingkai moral dengan min skor 0.097 dan yang terendah adalah bingkai kesan ekonomi dengan min skor 0.095.

Jika dilihat secara terperinci hasil analisis yang tertera pada Jadual 12, penggunaan kelima-lima bingkai generik dalam paparan artikel telah didahului oleh blog Pro-Barisan Nasional. Hanya bingkai tanggungjawab sahaja yang didahului oleh blog Pro-Pakatan Rakyat. Hal ini mungkin didorong atas rasa tanggungjawab pihak Pro-Pakatan Rakyat dalam memberi cadangan kepada pihak kerajaan atau pihak yang bertanggungjawab agar tindakan segera perlu dilakukan bagi penyelesaian kepada sesuatu masalah atau isu yang berlaku dalam negara demi kepentingan bersama.

Jadual 12: Skor min antara bingkai dengan blog

Blog	KE	T	K	M	KM	<i>n</i>
Pro- Barisan Nasional	0.114	0.540	0.722	0.103	0.455	387
Pro- Pakatan Rakyat	0.078	0.598	0.667	0.093	0.325	449
Jumlah keseluruhan	0.095	0.571	0.692	0.097	0.385	836

Hasil kajian ini (Jadual 13) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara blog Pro-Barisan Nasional dan blog Pro-Pakatan Rakyat dari segi penggunaan bingkai konflik apabila $\text{Sig-}t (0.001) < \alpha (.05)$, bingkai tanggungjawab apabila $\text{Sig-}t (0.006) < \alpha (.05)$, dan bingkai kepentingan apabila $\text{Sig-}t (0.000) < \alpha (.05)$. Satu pengiraan secara manual telah dibuat untuk mengenal pasti saiz kesan perbezaan antara kedua-dua kumpulan. Hasil pengiraan membawa kepada bingkai konflik hanya memberi kesan kecil iaitu hanya ($\eta^2=0.23$), bingkai tanggungjawab memberi kesan yang sangat kecil dengan hanya ($\eta^2=0.19$) dan bingkai kepentingan manusia memberi kesan yang sederhana dengan ($\eta^2=0.49$).

Hal ini mungkin disebabkan oleh kedua-dua pihak mempunyai agenda atau isu tersendiri dalam mempengaruhi minda masyarakat dengan tujuan untuk menambat hati pembaca ke arah parti yang disokong oleh mereka. Kedua-dua pihak pastinya akan menimbulkan suatu kisah yang bakal mencerminkan perselisihan yang berlaku dalam parti lawan dengan kata lain cuba untuk memburuk dan menjatuhkan parti lawan. Lantaran itu, tidak dapat dielakkan daripada timbulnya rasa tanggungjawab ke atas suatu isu atau masalah yang berlaku dalam negara dengan menyatakan hasrat atau cadangan ke arah kebaikan dan kepentingan bersama. Melalui cara ini, mereka akan mendapat perhatian daripada para pembaca tentang sifat keprihatinan yang ada pada diri mereka. Tetapi perlu diingatkan bahawa apabila ramai yang ingin bercakap tentang sesuatu perkara tanpa ada ilmu atau fakta yang benar, maka tidak mustahil

perbezaan pendapat dan kenyataan itu akan menambahkan lagi kekeliruan dan mengeruhkan keadaan yang sedia berlaku.

Hasil kajian (Jadual 13) juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara blog Pro-Barisan Nasional dan blog Pro-Pakatan Rakyat dari segi penggunaan bingkai moral apabila $\text{Sig-}t (0.607) > \alpha (.05)$, dan bingkai kesan ekonomi apabila $\text{Sig-}t (0.055) > \alpha (.05)$. Blog Pro-Barisan Nasional lebih banyak menggunakan bingkai moral dan kesan ekonomi jika dibandingkan dengan blog Pro-Pakatan Rakyat. Ternyata sebagai blogger yang berpihak kepada pemerintah atau kerajaan, mereka cuba membantu pihak pemerintah memperjelaskan kepada pembaca tentang apa yang berlaku secara terperinci. Lebih-lebih lagi melibatkan kesan ekonomi negara dan kesan moral seperti isu kenaikan kos sara hidup, kenaikan harga petro, isu GST, isu pencerobohan Lahad Datu, Isu Kalimah Allah yang diperbahaskan oleh pelbagai pihak, isu *Bible* dalam bahasa Melayu, isu hudud, isu *October Fest*, isu DNA babi, isu “*I want to touch a dog*” dan pelbagai lagi berlaku pada ketas itu. Konflik yang berlaku dalam negara boleh ditangani dengan baik sekiranya para blogger saling berganding bahu dalam membantu pihak kerajaan ke arah mencapai keharmonian negara.

Jadual 13: Perbandingan penggunaan bingkai mengikut blog Pro-Barisan Nasional dan blog Pro- Pakatan Rakyat

Bingkai/ Kecenderungan	<i>n</i>	Min	SP	Nilai <i>t</i>	Sig- <i>t</i>
Konflik *					
Pro-BN	387	0.722	0.236	3.324	0.001
Pro-PR	449	0.667	0.237		
Tanggungjawab *					
Pro-BN	387	0.540	0.301	-2.774	0.006
Pro-PR	449	0.598	0.309		
Kepentingan Manusia *					
Pro-BN	387	0.455	0.282	7.058	0.000

Pro-PR	449	0.325	0.251		
Moral					
Pro-BN	387	0.103	0.281	0.514	0.607
Pro-PR	449	0.093	0.264		
Kesan Ekonomi					
Pro-BN	387	0.114	0.290	1.922	0.055
Pro-PR	449	0.078	0.247		

Nota: $P > 0.05$ adalah tidak signifikan. Tanda (*) adalah signifikan.

Kedua-dua kumpulan blogger pastinya cuba untuk memberi penjelasan sebaik mungkin isu yang berlaku dengan harapan dapat meningkatkan pemahaman para pembaca blog. Tetapi apabila tidak ramai di antara blogger yang mahir berkenaan dengan isu yang berlaku, maka tidak banyak artikel yang dibahas dan diperbincangkan oleh para blogger. Maka dengan ini, tidak terdapatlah perbezaan yang ketara dalam penggunaan bingkai moral dan bingkai kesan ekonomi.

Sebagai cadangan hasil daripada kajian ini, pihak bertanggungjawab perlu duduk bersama dan berbincang dengan mereka yang pakar dalam bidang tertentu bagi mendapatkan satu kata sepakat seterusnya menjalankan satu sidang akhbar untuk memperjelaskan kepada rakyat berkenaan apa yang sedang berlaku agar tidak timbul sebarang spekulasi. Blogger daripada kedua-dua pihak boleh membantu untuk memudahkan pemahaman melalui paparan blog mereka melalui penjelasan yang mudah difahami. Bukan seperti apa yang berlaku hari ini di mana terdapat sesetengah blogger yang cuba mengambil kesempatan terhadap konflik yang berlaku untuk menghuru-harakan keadaan atas dasar fahaman politik yang berbeza. Oleh itu, adalah disarankan agar wujudnya kesepakatan antara kedua-dua kumpulan blogger dalam membincangkan dan mencari jalan penyelesaian terbaik berkaitan isu atau masalah negara ke arah mencapai satu objektif yang sama.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan daripada hasil kajian yang diperoleh boleh dikatakan bahawa blog Pro-Pakatan Rakyat telah mendominasi dari segi paparan artikel blog sebelum dan selepas PRU ke-13 di mana isu politik (pilihan raya) merupakan isu yang utama diperbahaskan oleh kedua-dua belah pihak blogger. Bingkai konflik berada pada tahap tinggi pendedahannya dalam memperbahaskan semua isu oleh kedua-dua kumpulan blog menjelang PRU ke-13 dan selepas PRU ke-13. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam pendedahan bingkai konflik, bingkai tanggungjawab dan bingkai kepentingan manusia oleh kedua-dua kumpulan blogger yang dikaji. Nada berita berbentuk anti tersurat berada pada peratusan tertinggi dengan 49.9% diikuti oleh nada berita berbentuk pro tersurat dengan peratusan sebanyak 23.8%. Dengan ini, ternyata blog telah membuka ruang yang luas kepada para blogger untuk melontarkan idea selepas hasil kajian menunjukkan bahawa para blogger lebih berani dan bebas untuk menyatakan pendapat mereka sama ada menyokong atau membangkang suatu isu mahupun dasar. Namun, harus diingatkan bahawa masih terdapat pelbagai undang-undang atau akta yang boleh dikaitkan dengan blogger walaupun Malaysia mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen dan membenarkan sesiapa sahaja untuk meluahkan pendapat. Para blogger harus sentiasa menanam sifat akauntabiliti dalam diri mereka dan bersedia untuk bertanggungjawab ke atas sebarang implikasi yang hadir hasil daripada penulisan mereka.

BIODATA PENULIS

Muhammad Hakimi Tew Abdullah merupakan penulis utama dan pensyarah kanan di Fakulti Komunikasi & Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka. Beliau boleh dihubungi melalui hakimi541@melaka.uitm.edu.my

Abdul Latiff Ahmad merupakan penulis kedua dan juga Penolong Pengarah, Pusat Hubungan Antarabangsa (UKM Global). Beliau juga merupakan pensyarah kanan di Pusat Pengajian Media & Komunikasi, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, UKM. Beliau boleh dihubungi melalui alba@ukm.edu.my

Chang Peng Kee merupakan penulis ketiga dan juga pensyarah kanan di Pusat Pengajian Media & Komunikasi, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, UKM. Beliau boleh dihubungi melalui chang@ukm.edu.my

RUJUKAN

- Baharuddin Aziz, Abdul Rasid Abdul Rahman & Rahmat Ghazali. (2008). *Kajian Mengenai Peranan dan Pengaruh Internet dan Kewartawanan Bloggers Terhadap Para Pengundi Semasa Pilihan Raya Umum Malaysia 2008*. Universiti Teknologi MARA, RMI.
- Boydston, A. E., Gross, J. H., Resnik, C. H. P. & Smith, N. A. (2014). Tracking the development of media frames within and across policy issues. <http://www.cs.cmu.edu/~nasmith/temp/frames-2014.pdf> [15 May 2014]
- Chamil Wariya (2008) Blog dan wartawan warga. *Persidangan Wartawan Commonwealth 2008*. Kuching, Sarawak. 13-19 Oktober.
- Chang Peng Kee, Fauziah Ahmad & Wan Amizah Wan Mahmud. (2010). Indigenising framing knowledge from content-analysing the weblog frame built on Chedet.com. *Malaysia Journal of Communication*. 26(1), 47-61.
- Chong, D., & Druckman, J. N. (2007). A theory of framing and opinion formation in competitive elite environments. *Journal of Communication*, 57(1), 99–118. Doi:10.1111/j.1460-2466.2006.00331.x.
- Entman, R. M. (1993). Framing: Toward clarification of a fractured paradigm. *Journal of Communication*. 43(4), 51-58. Doi:10.1111/j.1460-2466.1993.tb01304.x.
- Gamson, W. A., Croteau, D., Hoynes, W., & Sasson, T. (1992). Media images and the social construction of reality. *Annual Review of Sociology*, 18, 373-393. Doi:10.1146/annurev.soc.18.1.373.
- Gitlin, T. (1980). *The whole world is watching: Mass media in the making and unmaking of the new left*. Berkeley: University of California Press.

Holsti, O. P. (1969). *Content analysis for social science and humanities*. Reading: Addison-Wesley Publishing.

Najmuddin Mohammad Rasul & Samsudin A. Rahim (2015). Penggunaan media, norma kewarganegaraan dan partisipasi politik dalam era transisi ke demokrasi di Indonesia. *Jurnal Komunikasi* 31(1): 187-204.

Semetko, H. A., & Valkenburg, P. M. (2000). Framing European politics: A content analysis of press and television news. *Journal of Communication*, 50(2), 93-109.

Severin, W.J. & Tankard J.W. (1997). *Communications theories: Origins, methods, and uses in the mass media*. White Plains, NY: Longman Publishing Group.

Valkenburg, P. M., Semetko, H. A., & Vreese, C. H. de. (1999). The effects of news frames on readers' thoughts and recall. *Communication Research*, 26 (5), 550-569.